



Perdana Menteri China menoreh

■ **PERDANA** Menteri Republik Rakyat China, Encik Zhao Ziyang mencuba menoreh sebatang pokok getah di kawasan Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) ketika beliau dan rombongannya melawat institut tersebut di Sungai Buloh, semalam.

Dalam kunjungan tersebut beliau diberi

taklimat oleh Pengawal Penyelidik Getah, institut tersebut, Tan Sri B.C. Sekhar.

Encik Zhao Ziyang dalam lawatannya ke negara ini telah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir dan diterima mengadap Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.

Perdana Menteri itu juga telah mengunjungi bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Hussein Onn di Sri Taman, Kuala Lumpur kelmarin.

Encik Zhao Ziyang telah berlepas ke Singapura dalam rangka lawatan beliau ke negara-negara Asean. — Gambar Berita Harian oleh GOH SENG CHONG.